

04/07/2002

PM yakin BN tawan Pendang, Anak Bukit

SUBANG, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) dapat menawan semula kerusi Parlimen kawasan Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, pada pilihan raya kecil 18 Julai ini.

"Kita boleh menghadapi parti lawan, walaupun ini adalah kawasan parti lawan," katanya di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang pagi ini, sekembalinya daripada percutian di sekitar kepulauan Mediterranean.

Perdana Menteri berkata, BN sudah bersiap sedia sepenuhnya untuk menghadapi pilihan raya kecil itu.

"Kita telah buat persiapan lebih awal, lama dah, untuk semua kawasan terutama kawasan yang kita fikir mungkin akan mengadakan pilihan raya kecil dan saya yakin bahawa jentera parti sudah siap.

"Dasar parti tak jadi masalah, jadi kita boleh mengadakan pilihan raya ini. Kita boleh menghadapi parti lawan," katanya ketika ditanya peluang BN merampas dua kerusi berkenaan daripada penyandanginya, Pas.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 10 Julai ini sebagai tarikh penamaan calon bagi pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit, manakala pengundian pula pada 18 Julai.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian penyandang kedua-dua kerusi itu yang juga Presiden Pas, Datuk Fadzil Md Noor.

Pada pilihan raya umum 1999, Fadzil yang memperoleh 22,413 undi, memenangi kerusi Parlimen Pendang dengan majoriti 2,939 undi, mengalahkan pencabar tunggalnya, Datuk Othman Abdul mewakili BN yang mendapat 19,474 undi.

Bagi kerusi DUN Anak Bukit pula, Fadzil menang dengan majoriti 1,840 undi, apabila beliau meraih 8,480 undi, mengalahkan pencabar tunggalnya dari BN, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin, yang mendapat 6,640 undi.

Ditanya apakah beliau akan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata: "Yang itu, kita akan fikirkan bila tiba masanya".

Dr Mahathir berkata, walaupun melepaskan semua jawatan dalam parti dan kerajaan nanti, beliau akan mengekalkan kedudukannya sebagai wakil rakyat Kubang Pasu di negeri kelahirannya, Kedah.